

TARIKH: 12/6/02
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT:



Pertumbuhan pekerjaan mampan, kekosongan jawatan meningkat

Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga IB) mengekalkan purata unjuran kadar pengangguran untuk 2023 pada 3.5 peratus, disokong oleh pertumbuhan pekerjaan yang mampan dan kekosongan jawatan aktif lebih tinggi.

Kenanga IB dalam nota penyelidikan semalam berkata, setakat 19 Mei 2023, kekosongan jawatan di MyFutureJobs berjumlah 113,120 berbanding April 2023 sebanyak 20,853.

"Kami yakin permintaan domestik yang berdaya tahan sebahagiannya akan mengurangkan kelemahan dalam sektor luar dalam persekitaran kesan kelemahan pertumbuhan global.

"Selain itu, kami percaya pemulihan berterusan dalam sektor perkhidmatan dalam persekitaran peningkatan secara beransur-ansur dalam aktiviti pelancongan akan menyokong prospek pertumbuhannya," katanya.

Kenanga IB berkata, jumlah pengangguran pada April 2023 turun sebanyak 0.3 peratus kepada 586,900 orang berbanding 588,700

orang bulan sebelumnya dengan kadar pengangguran berada pada 3.5 peratus, ia tidak berubah dari Mac 2023.

"Jumlah tenaga buruh mencatatkan penambahan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.84 juta orang berbanding 16.81 juta pada Mac," katanya.

Sementara itu, Kenanga IB berkata kadar penyertaan tenaga buruh meningkat 0.1 mata peratusan kepada 70 peratus (Mac 2023: 69.9 peratus), memberi petunjuk bahawa lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, bilangan orang yang bekerja pada April 2023 meningkat 0.2 peratus kepada 16.25 juta orang, mencatatkan rekod tertinggi.

"Sehubungan itu, kami mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) 2023 pada 4.7 peratus, memandangkan keadaan pasaran buruh yang stabil akan terus menyokong pertumbuhan dalam permintaan domestik," kata Kenanga IB.